

RUPA DAN JIWA

SYED AHMAD JAMAL
diedit oleh
MOHD. FADZIL



PUSTAKA PERDANA



1002795



Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 1979

KANDUNGAN

PRAKATA	6
PENDEKATAN	9
REKABENTUK	13
TEKNIK	18
ARCA	20
BATU BERUKIR	29
UKIRAN KAYU	33
UKIRAN DI MESJID	39
KERIS	45
TUMBUK LADA, GOLOK, PARANG	52
PASU	57
PERAK	67
TEMBAGA	72
TENUNAN	77
TEKATAN	80
SULAMAN	82
ANYAMAN	83
KELARAI	87
WAU	89
PUCUK REBUNG	92
SULUR BAYUR	94
RUPA DAN JIWA	97
SENARAI PAMIRAN	109
RUJUKAN	135
JAWATANKUASA PAMIRAN	137
PENGHARGAAN	138

PRAKATA

Dari masa ke semasa Universiti Malaya mengadakan pameran secara besar-besaran. Biasanya tujuan kami ialah untuk mengenalkan kepada kumpulan tertentu yang berminat, karya seni yang akan menarik perhatian mereka kepada satu tujuan istimewa sambil memberi peluang penikmatan seni itu. Kami sedar juga pentingnya mengadakan peluang untuk menambahkan pengetahuan di dalam bidang seni bagi rakyat umum sambil menghiburkan mereka.

Di dalam Pameran *Rupa dan Jiwa* ini, kami telah mencuba tambahkan satu maksud baru kepada tujuan biasa itu. Pameran ini terdiri dari satu kumpulan karya-karya yang tidak pernah dilihat sebagai kumpulan khusus sehingga ini di mana-mana pun di dalam dunia. Maksud pameran ini bersumberkan idea atau konsep atau pemikiran yang baru. Pameran ini bertujuan menunjukkan karya seni Melayu yang betul-betul Melayu tulin. Iaitu, karya yang tidak mengandungi Corak atau rekabentuk yang telah dipengaruhi oleh seni dari tamadun lain seperti Barat, Arab, India dan Cina.

Sebenarnya, kita harus berhenti sebentar untuk memikirkan bagaimanakah boleh terjadi pameran seperti ini

tidak di pertunjukkan sepuluh atau dua puluh tahun dahulu? Pada suatu masa yang sesuai InsyaAllah saya akan memberi pendapat saya tentang hal itu. Akan tetapi di sini memadailah jikalau saya konfrontasikan pelawat pameran ini dengan soalan itu. Saya berharap para pelawat akan menyusun jawapan masing-masing sebagai satu hasil penyaksian pameran ini.

Maka pameran ini sudah disediakan. Apakah patut saudara-saudari pelawat cari selain daripada penikmatan karya yang indah?

Kami yang menyusun pameran ini percaya bahawa corak di dalam rekabentuk Melayu mempunyai satu jenis bentuk atau lekuk yang istimewa. Keistimewaan bentuk Melayu itulah yang boleh dikesan pada kebanyakan barang-barang yang ditunjukkan di dalam pameran ini. Perhatikanlah corak atau motif yang diukir pada kayu; yang ditenun di dalam kain songket; yang ditera pada barang tuangan tembaga putih atau pada tanah liat yang dibakar; yang dianyam dari mengkuang atau buluh; dan yang dilukis pada wau dan sebagainya. Jika kita perhatikan dengan teliti, bentuk Melayu itu akan nyata di dalam semua barang-barang itu.

Dari segi sejarah seni rupa Melayu, yang mendukacitakan ialah dua aliran yang paling merosakkan atau melemahkan bentuk Melayu itu. Yang pertama, ialah pengaruh kebudayaan asing yang datang ke Malaysia dengan haul atau tenaga-kuasa yang kuat dan yang menindas atau mengikis bentuk Melayu itu di dalam berbagai bidang seni. Yang kedua, ialah sebahagian besar cendekiawan atau karyawan Melayu sendiri tidak begitu kenal atau sedia menilai barang-barang atau karya tulin mereka sendiri. Mereka terlalu gemarkan unsur-unsur kebudayaan lain seperti Barat atau Arab.

Janganlah salah faham pula. Saya tidak anti barat atau anti seni Arab, dengan perasaan parokial melulu. Sebenarnya, saya sendiri menghargai karya seni Barat moden, seperti lukisan oleh Picasso atau yang lama oleh Rembrandt. Dengan maaf, saya harap dibenarkan saya mengakui bahawa saya adalah seorang daripada beberapa rakan yang berusaha keras mengenalkan seni khat, atau tulisan huruf Arab yang mengkagumkan dengan keindahannya. Pameran Seni Khat

Universiti Malaya telah dilawati oleh ratus ribu orang di seluruh Semenanjung, dua tahun dahulu.

Sekarang, saya hanya berhajat mengkaji unsur-unsur tulin seni bangsa saya sendiri.

Saya bersama-sama dengan saudara Syed Ahmad Jamal serta sahabat di Jabatan Pengajian Melayu telah lama bekerja mencari dan mengumpulkan contoh-contoh yang kami harap boleh mewujudkan fahaman yang lebih tegas tentang bentuk Melayu itu.

Usaha ini sangat kena pada tempatnya oleh sebab pameran ini adalah satu daripada keutamaan atau kelimaks perayaan Ulangtahun Kedua Puluh Lima, Jabatan Pengajian Melayu.

Sebelum mengakhiri, benarkanlah saya, seorang ahli ekonomi pembangunan desa, yang menaruh minat kepada seni, membincang sedikit lagi tentang soal bentuk Melayu itu.

Dari segi bahasa, konsep "bentuk" itu digambarkan oleh beberapa perkataan yang bunyinya hampir sama serta maknanya tidak jauh, yang pada sendirinya indah. Umpamanya, tanah di tepi sungai atau laut dinamakan "teluk" dan di dalam corak kain songket ada bentuk "teluk berantai" yang sangat masyhor. Gerak-geri tangan dikatakan "lengguk" atau jari digambarkan sebagai "jongket". Tari asli penuh dengan gerak isyarat lemah lembut yang menggambarkan "lenggang-lengguk" itu. Jikalau bentuk itu sederhana dikatakan, "lentik". Bahagian tubuh badan yang indah dan yang selalu dihiasi oleh gadis Melayu secara tradisional, dikatakan "coping" pada hidung serta telinga.

Saya berharap, setelah mempelajari pameran ini, orang Melayu, khususnya pencinta seni serta peminat seni, akan lebih mengenal akan corak "berkeluk-keluk" atau "awan berkeluk" serta "berkeluk paku" (iaitu dari pokok paku dan bukannya paku besi).

Kita harus jangan lupa pula kadang-kadang perkataan yang pendek adalah yang paling bisa, iaitu "lok", yang ada pada rekabentuk keris. Kita tidak suka juga orang yang berkelakuan "keluk-melik".

Kepada semua ahli Jawatankuasa Pameran Jabatan Pengajian Melayu, Muzium Seni Asia, Saudara Syed Ahmad Jamal dan rakan-rakannya, yang telah berusaha bertungkus-lumus dan yang telah menjelajah ke berbagai ceruk rantau, saya mengucapkan syabas dan terima kasih.

Kepada Encik Shahrum bin Yub, Ketua Pengarah Muzium Negara, Pengarah Bank Bumiputra Sendirian Berhad, serta pihak-pihak lain yang telah meminjam barang-barang yang membolehkan kami mengadakan pameran ini, hutang budi Universiti Malaya adalah sangat besar.

Majulah fahaman seni Melayu tulin

PROFESSOR DIRAJA UNGKU A. AZIZ,
Naib Canselor, Universiti Malaya.